

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# HOSPITAL BARU DI BINA

TELUK INTAN, Jumaat — Kerajaan akan melaksanakan konsep Hospital Wilayah mulai tahun ini bagi menyediakan khidmat kesihatan yang lebih berkesan, demikian ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, di sini hari ini.

Hospital Wilayah yang pertama di negara ini akan dibuka di sini. Pelaksanaannya dijangka bermula Julai depan dan akan siap pada pertengahan 1985.

Berikutan pelaksanaan konsep Hospital Wilayah ini, katanya, hospital-hospital di seluruh negara akan disusun semula dari segi pentadbiran dan kemudahannya.

Datuk Musa mengumumkan ini di upacara meletak batu asas Hospital Daerah Teluk Intan di sini.

"Dengan itu, hospital-hospital besar akan hanya dijadikan hospital rawatan pakar.

"Hospital Wilayah yang akan ditubuhkan kelak akan mengambil alih sebahagian besar kerja dan tugas biasa hospital besar sekarang," tambahnya.

## Pertama

Hospital Daerah Teluk Intan, kata Datuk Musa, akan menjadi Hospital Wilayah yang pertama. Ia juga akan menjadi pusat melatih para pekerja hospital, pentadbir dan kakitangan lainnya termasuk pekerka bentuk hospital.

Hospital Wilayah di sini juga akan dilengkapi dengan segala kemudahan moden untuk merawat semua pesakit dari hospital-hospital daerah sekitarnya, termasuk Sabak Bernam di Selangor.

Menurut Datuk Musa, pembinaan Hospital Wilayah ini akan dilaksanakan menerusi sistem 'cepat-bina' atau 'turnkey'.

Katanya lagi, pembinaan Hospital Wilayah ini adalah satu dari penyesuaian yang dilakukan oleh pentadbiran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap pelaksanaan projek-projek perubahan di kesihatan di seluruh negara.

"Kerajaan sentiasa menitikberatkan khidmat pe ubatan dan kesihatan untuk rakyat kerana kesihatan akan menjadi kunci utama kepada hidup bahagia katanya.

Datuk Musa dan rombongannya tiba di sini dengan dua helikopter dari Pulau Pinang pagi tadi. Beliau kemudian menunaikan Fardu Jumaat bersama-sama masyarakat Islam di sini.

